



**JABATAN LANDSKAP NEGARA  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN  
BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut harga ini adalah dipelawa dikalangan kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk menyertai tawaran sebut harga dibawah ini.

PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	TARAF / JENIS SYKT *	KELAYAKAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DI JUAL	HARGA DOKUMEN DAN CARA PEMBAYARAN	TEMPAT, TARIKH & WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
JLN/SH/39/2016 Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Tingkat 7, 11 dan 15, Plaza Permata IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	<b>Cadangan Pembangunan Persekitaran Kehidupan di Padang Komuniti, Taman Ria, Tanjung Karang bagi Majlis Daerah Kuala Selangor</b>  <b>Lawatan Tapak</b>  <b>Kehadiran: <u>DIWAJIBKAN</u></b>  <b>Tarikh: 5 September 2016 (Isnin)</b>  <b>Masa: 10.00 pagi</b>  <b>Tempat: Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Daerah Kuala Selangor</b>	Bumiputera T1	<b>Berdaftar dengan</b>  <b>LPIPM/ CIDB</b>  <b>GED : G1</b>  <b>CE14 – Landskap dan CE21 – Civil</b>  <b>PKK – Sijil Bertaraf Bumiputera</b>	<b>Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Daerah Kuala Selangor</b> Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor  <b>Mulai : 5 September 2016 (Isnin) Hingga 8 September 2016 (Khamis)</b>	<b>RM31.80</b> (Tidak akan dikembalikan)  Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Selangor	Peti Sebutharga di Ruang Legar Majlis Daerah Kuala Selangor Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor  <b>Tarikh: 8 September 2016 (Khamis) Masa : 12.00 tengahari</b>

\* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh didapatkan di **Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor**, pada waktu pejabat **dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang** mulai **5 September 2016 (Isnin)** selepas lawatan tapak sehingga **8 September 2016 (Khamis)**.
3. Lawatan tapak akan diadakan pada **5 September 2016 (Isnin)** jam **10.00 pagi** bertempat di **Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Daerah Kuala Selangor**. Kontraktor **diwajibkan** menghadiri sesi taklimat tersebut.
4. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank, kiriman wang atau wang pos atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Selangor**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
5. **Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang asal dan masih sah hendaklah **ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga** dan **salinan fotostat** hendaklah dikemukakan untuk simpanan Majlis Daerah Kuala Selangor. **Dokumen Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada 5 September 2016 (Isnin)**.
6. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** dan ditandakan dengan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga** di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **di Ruang Legar, Majlis Daerah Kuala Selangor, Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari, 8 September 2016 (Khamis)**. Jabatan Landskap Negara dan Majlis Daerah Kuala Selangor tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos dan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat [www.kpkt.gov.my/jln](http://www.kpkt.gov.my/jln), laman web rasmi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) dan laman web rasmi Majlis Daerah Kuala Selangor [www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my)
8. Sebarang pertanyaan tentang urusan Sebut Harga boleh merujuk kepada pegawai-pegawai berikut :

	<b>NAMA</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NO. TELEFON</b>
1.	SITI ANNURAL BALKIS BINTI MOKHTAR	Jabatan Landskap Negara	03 - 4047 0000
2.	NORAZEAN BINTI ABD RAHMAN	Majlis Daerah Kuala Selangor	03 – 3289 2903
3.	NORZILA BINTI MOHD BAKRI	Majlis Daerah Kuala Selangor	03 – 3289 2903